

Bab 2

Amalan Konsep *Fiqh Al-Ta`ayusy* (فقه التعايش) Sebagai Wahana Dakwah Masyarakat Majmuk

Zulkefli Aini & Wan Nurul Anis Wan Ismail

Pengenalan

Kepelbagaian merupakan *sunnatullah* dalam penciptaan makhluk. Hanya mereka yang mempunyai kekuatan akliah mampu menanggapi dengan baik. Pemaksaan terhadap kepelbagaian tidak mampu merubah *sunnatullah* tersebut hatta oleh pihak-pihak yang mengajui mempunyai pengaruh dan digelar dirinya sebagai kuasa-kuasa besar dunia. Manusia tetap berbeza-beza pada warna, agama, budaya dan bahasa sebagaimana yang terangkum dalam mesej al-Quran melalui surah al-Hujurat ayat 12. Oleh itu, kepelbagaian yang menzahirkan perbezaan harus diterima dengan baik dan positif kerana fenomena kemanusiaan yang berbangsa-bangsa dan bersuku-suku (*syu`uban wa qaba`il*) mengandungi hikmah Ilahiyyah yang tersirat di sebalik kata saling berkenal-kenalan (*li ta`arafu*). Kalimah *li ta`arafu* mengandungi makna kesalingan dan timbal balik, iaitu saling mengakui, saling menghargai, saling membantu dan bekerjasama dalam kebaikan dan sebagainya. Antara mekanisme yang boleh dibincangkan bagi merealisasikan gagasan tersebut ialah memahami kehidupan bersama dalam kepelbagaian dan perbezaan yang selalui disebut sebagai *al-ta`ayusy* atau *co-existence*. Malah perbincangan tentang konsep tersebut telah dan sedang mendapat tempat dalam kalangan sarjana sama ada melibatkan interaksi orang Islam dalam negara umat Islam sendiri yang mempunyai komposisi kaum yang pelbagai seperti di negara kita atau interaksi orang Islam sebagai kaum minoriti di negara bukan Islam. Arah tuju perbincangan secara umumnya adalah ingin mewujudkan keharmonian dalam negara yang mempunyai kepelbagaian bangsa, kaum dan agama.

كيفية التعايش

Kalimah **التعايش** berasal daripada kalimah **العيش** yang bermaksud **الحياة** (Ibn Manzur). Perkataan **التعايش** terbentuk di atas *wazan* **تفاعل** yang menunjukkan maksud **المشاركة والتعامل مع الآخرين** atau kesalingan dan timbal balik dalam aktiviti yang melibatkan orang lain dan berinteraksi dengan pihak lain. Dalam kerangka yang lebih luas, *al-ta`ayusy* bermaksud hidup bersama dengan orang lain dalam satu komuniti yang dilandasi dengan semangat kasih sayang, saling memahami, saling mempercayai antara satu sama lain, menerima kepelbagaian, mempunyai semangat toleransi yang tinggi, dan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain (Shayuty dan Mohamad Ibrahim 2016).

Kefahaman tentang konsep **تعایش** berdasarkan pandangan daripada Ibnu Faris dalam kitab **فقه التعايش في السيرة النبوية** pula apabila beliau menterjemahkan perkataan **عیش** sebagai kehidupan dan kelangsungan hidup. Ini berdasarkan kepada perkataan yang terdapat di dalam al-Quran, antaranya ialah sebagaimana yang terdapat surah al-Haqqah ayat 21; al-Naba' ayat 11, Taha ayat 124, al-Qasas ayat 58.

Manakala menurut pandangan Sheikh Hussein Ali Mustapha (2014) konsep **تعایش** merujuk kepada Islam sebagai agama universal yang membawa mesej kepada semua umat manusia, iaitu mesej yang memerintahkan keadilan dan melarang ketidakadilan dan meletakkan asas bagi keamanan di muka bumi, dan menyeru kepada kehidupan bersama yang positif dalam kalangan semua manusia dalam suasana persaudaraan dan toleransi dalam kalangan semua rakyat tanpa mengira bangsa, warna kulit dan kepercayaan. Ini kerana semua manusia berasal dari keturunan yang sama atau *nafs wahidah* sebagaimana yang dinyatakan dalam Al-Quran di dalam surah al-Nasa' ayat 1 yang bermaksud:

Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

Menurut Muhammad Musa al-Sharif (2003), *al-ta`ayusy* merujuk kepada orang Islam dan orang bukan Islam tinggal bersama dalam sebuah negara

di mana orang bukan Islam, dalam tradisinya dikenali sebagai *ahl al-dhimmah* tetapi sekarang dikenali sebagai *al-muwatinun* iaitu warga negara atau pun orang Islam tinggal bersama dengan orang yang datang meminta perlindungan dengan pemerintah umat Islam secara aman dengan sistem *al-ta'syirah*.

Perkataan *al-ta'ayusy* disebut juga sebagai *coexistence*. Menurut Kamus Oxford (2016) *coexistence* ialah sebuah negara atau keadaan yang mana hidup dalam keadaan harmoni walaupun mempunyai ideologi atau minat yang berbeza-beza. Manakala menurut Jessica Berns dan Mari Fitzduff (2007) konsep *co-existence* ialah tentang kewujudan bersama yang mana menggambarkan masyarakat di mana mempunyai kepelbagaian potensi yang positif, menekankan keadilan dan saling bergantung antara kumpulan yang berbeza. Selain itu, Jessica Berns dan Mari Fitzduff (2007) juga menerangkan tentang kewujudan bersama yang mana menggabungkan kesaksamaan, kepelbagaian dan saling bergantung. Kewujudan bersama dapat dibuktikan dalam perhubungan yang merentasi pelbagai perbezaan yang dibina berdasarkan kepercayaan masing-masing, hormat-menghormati dan ianya sangat luas untuk difahami kerana berkaitan dengan penglibatan sosial dan integrasi. Konsep bagi kewujudan bersama juga mempunyai tumpuan khusus kepada hubungan antara kumpulan, dengan kata lain bertujuan untuk menggambarkan visi yang sama termasuk perpaduan sosial, penglibatan sosial dan integrasi sosial.

Sementara itu, Kamar Oniah Kamaruzaman (2010) yang memperkatakan tentang *pluralistic co-existence* merujuk kepada masyarakat yang tinggal bersama-sama sebelah menyebelah dalam masyarakat atau negeri dan komuniti ini mungkin agama, etnik, suku kaum, budaya, atau bahkan masyarakat linguistik. Setiap masyarakat mempunyai keunikan identiti tersendiri dengan ciri-ciri yang agak berbeza daripada masyarakat lain. Inilah ciri-ciri keunikan yang menjadikan setiap masyarakat itu mempunyai keunikan yang tersendiri. Kerana disebabkan perbezaan ini, ia sentiasa menjadi cabaran kepada seseorang dan masyarakat untuk menerima yang lain untuk menjadi sebahagian daripada mereka. Keadaan menjadi lebih mencabar apabila isu-isu perkauman yang sensitif dibangkitkan, yang mana menyebabkan manusia mengambil bahagian dalam menentukan betul ataupun salah.

Asas-Asas Kewujudan Bersama Dalam فقه التعايش

Menurut Muhammad Mokhtar Gomaa Mabruk (2015) dalam zaman yang kaya dengan kepelbagaian pegangan agama, ideologi dan aliran atau orientasi intelektual, perkara yang paling penting bagi menjamin kestabilan

sesuatu masyarakat ialah kesanggupan warga untuk hidup bersama dengan aman sesama warga walaupun berlainan kepercayaan dan pengamalan beragama.

Kepelbagaian ini merupakan satu fitrah dan mengandungi nilai-nilai yang universal sejajar dengan firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud:

Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling takwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

Kurang kesedaran terhadap kepentingan hidup bersama dalam masyarakat yang berbilang bangsa dan agama boleh menyumbang kepada kekurangan rasa toleransi hidup bermasyarakat. Ini kerana dunia hari ini sangat memerlukan toleransi yang berkesan dan kehidupan bersama yang positif antara manusia lebih daripada biasa, kerana hubungan baik antara budaya dan interaksi dan interaksi antara tamadun semakin meningkat hari demi hari. Ini adalah hasil daripada revolusi maklumat dan komunikasi teknologi yang dikeluarkan. Antara asas-asas kaedah kewujudan bersama dalam konteks *فقه التعايش* ialah (Sheikh Hussein Ali Mustapha, 2014):

- 1- Keunikan manusia – iaitu hakikat kejadian manusia yang diciptakan mengikut lingkungan negara, etnik dan geografi.
- 2- Islam menghormati keunikan setiap bangsa dengan bersikap positif dengan syarat tidak membiarkan pihak yang terlibat untuk mengambil kesempatan terhadap orang lain dan tidak menjadi garis pemisah yang memisahkan keunikan bagi setiap kategori manusia.
- 3- Islam menegaskan bahawa kepelbagaian dalam keunikan manusia adalah lambang kepelbagaian pengalaman saintifik dan praktikal, malah apa yang menjadikan mereka berkenalan di antara bangsa-bangsa yang memperkayakan setiap negara.

Menurut al-Gharyani (2006), antara asas-asas penting dalam pembentukan *fiqh al-ta'ayusy* ialah persamaan dari sudut kemanusiaan, keadilan dan menolak sebarang kezaliman, kebebasan beragama, iaitu orang bukan Islam bebas memilih untuk menganut agama Islam atau kekal dalam agama mereka, melaksanakan janji, toleransi, jaminan ekonomi dan dapat

memberi sumbangan kepada pentadbiran negara. Sementara itu, pada pandangan al-Tuwaijiri (2015), *al-ta`ayusy* dalam konteks kepelbagaian agama perlu disandarkan kepada empat perkara, iaitu tidak ada unsur paksaan, saling memahami tujuan yang ditetapkan agar semua pihak mendapat manfaat bersama, saling bertolong-tolongan melakukan sesuatu yang boleh dikongsi bersama bagi mencapai matlamat yang ditetapkan dan membina semangat saling hormat menghormati antara satu sama lain.

Mengikut perspektif Islam, terdapat beberapa instrumen asas yang menjadi paksi kepada pembinaan peradaban Islam dalam menghadapi keperluan semasa manusia. Antara asas kepada peradaban itu ialah akidah, ilmu, akhlak dan nilai-nilai norma masyarakat yang murni seperti bertoleransi, tolong-menolong, menghormati agama lain serta sentiasa bersifat sederhana yang mana mencerminkan nilai-nilai yang baik (Shuhairimi, 2004). Instrumen tersebut boleh diaplikasikan bagi menjadikan sebuah negara atau keadaan hidup dalam harmoni walaupun mempunyai ideologi atau minat yang berbeza-beza. Antara instrumen asas yang boleh diaplikasikan dalam pengurusan kepelbagaian etnik ialah:

1- Keadilan

Islam menekankan tentang memberi keadilan kepada semua mengikut undang-undang tanpa mengira etnik yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam Al-Quran melalui surah al-Nisa' ayat 58 yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

2- Tolong-menolong

Tolong-menolong merupakan satu keperluan dalam kehidupan seharian kita. Sebagai manusia yang mempunyai kemampuan yang berbeza-beza, kelebihan yang ada pada kita banyak memberi manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri bahkan kepada orang lain yang memerlukan. Islam juga menuntut manusia supaya tolong-menolong dalam perkara yang memberi kebaikan kepada orang lain. Hal ini ada dijelaskan dalam Al-Quran melalui surah al-Ma'idah ayat 2 yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu melanggar syi'ar-syi'ar Allah, dan jangan melanggar kehormatan bulan-bulan haram, jangan (mengganggu) binatang-binatang *had-ya*, dan binatang-binatang *qalaa-id*, dan jangan (pula) mengganggu orang-orang yang mengunjungi Baitullah sedang mereka mencari kurnia dan keridhaan dari Tuhannya dan apabila kamu telah menyelesaikan ibadah haji, maka bolehlah berburu. Dan janganlah sekali-kali kebencian(mu) kepada sesuatu kaum karena mereka menghalang-halangi kamu dari Masjidilharam, mendorongmu berbuat aniaya (kepada mereka). Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksaNya.

3- Kebebasan beragama

Islam menekankan kepada kebebasan beragama dan pada masa yang sama al-Quran memberi penjelasan dan keterangan kepada manusia bahawa agama di sisi Allah ialah Islam. Hal ini menjelaskan bahawa Islam tidak memaksa penganut agama lain menganut agama Islam seperti dalam Al-Quran melalui surah al-Baqarah ayat 256 yang bermaksud:

Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. Karena itu barangsiapa yang ingkar kepada Thaghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

4- Hormat-menghormati

Islam juga mengajar kita agar menghormati peribadi orang lain dan melarang mencemuh, mengutuk atau memanggil dengan panggilan yang tidak disukai terhadap orang lain. Justeru, setiap orang perlu memelihara dan menghormati kehormatan peribadi. Hal ini ada dijelaskan dalam Al-Quran melalui surah al-Hujurat ayat 11 yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah sekumpulan orang laki-laki merendahkan kumpulan yang lain, boleh jadi yang ditertawakan itu lebih baik dari mereka. Dan jangan pula sekumpulan perempuan merendahkan kumpulan lainnya, boleh jadi yang direndahkan itu lebih baik. Dan janganlah suka mencela

dirimu sendiri dan jangan memanggil dengan gelaran yang mengandung ejekan. Seburuk-buruk panggilan adalah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan barangsiapa yang tidak bertobat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

5- Berbuat baik

Al-Quran juga memberi kelonggaran kepada orang Islam untuk menjalinkan hubungan dengan orang bukan Islam selagi mereka tidak memusuhi Islam. Hal ini dijelaskan dalam Al-Quran melalui surah al-Mumtahanah ayat 8 yang bermaksud:

Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu karena agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.

Menurut Muhammad Musa al-Sharif (2003), pengamalan *fiqh al-ta`ayusy* dalam masyarakat yang pelbagai bangsa dan agama, mempunyai kelebihan tertentu khususnya kepada umat Islam, antaranya ialah:

1. Orang Islam mempunyai potensi menerangkan kehebatan dan kelebihan agama Islam dan nilai-nilai toleransi yang ada pada syariah Islam dan nilai-nilai ketinggian yang ada pada tamadun Islam.
2. Orang Islam mempunyai potensi menerangkan tentang pandangan Islam terhadap isi-isu yang membabitkan hak manusia.
3. Orang Islam boleh memanfaatkan kelebihan yang terdapat pada orang bukan Islam bagi kepentingan membina tamadun.
4. Boleh mengambil pendirian yang sama bagi menghadapi kerosakan yang berlaku dalam masyarakat

Sementara itu, Muhammad Musa al-Sharif (2003) turut mencadangkan beberapa aktiviti *al-ta`syuy* yang boleh ambil perhatian, iaitu:

1. Dialog antara orang Islam dan bukan Islam dalam bentuk seminar, forum dan sebagainya.
2. Dakwah kepada orang bukan Islam sebagaimana yang ditunjukkan dalam sirah Rasulullah s.a.w.
3. Menerima orang bukan Islam sebagai warga negara yang tinggal dalam negara yang sama sekiranya dakwah yang disampaikan tidak mendapat sambutan. Orang Islam perlu bermuamalah dan

berinteraksi dengan orang bukan Islam melalui bingkai dan mekanisme tertentu seperti undang-undang negara. Orang bukan Islam boleh mengamalkan agama dan kepercayaan mereka tetapi perlu ada mekanisme yang membolehkan mereka mengamalkan agama mereka tanpa menyebarkannya kepada orang Islam dan penganut agama lain. Di samping itu orang bukan Islam perlu menghormati agama dan penganut agama Islam. (dalam konteks hidup sebagai ahli warga dengan mengikut konsep *فلهم ما للمسلمين من واجبات* *حقوق وعليهم ما على المسلمين من واجبات* dalam bingkai hak dan kewajipan yang dibenarkan dalam agama dan undang-undang.

Penerimaan terhadap amalan *fiqh al-ta`asyusy* tidaklah sampai menggadaikan prinsip dan pegangan dalam Islam. Ini kerana walaupun hidup bersama ahli warga negara dalam aman dan damai, Islam tetap menjadi agama yang *ya`lu wa la ya`lu `alayh*. Umat Islam perlu menjaga akidah mengikut pegangan ahl al-sunnah wa al-jama`ah dan tidak berkompromi dengan mana-mana isme atau aliran pemikiran manusia yang boleh menggugat pegangan akidah, syariat dan akhlak Islam. Amalan *fiqh al-ta`ayusy* dalam konteks masyarakat majmuk tidak membenarkan unsur-unsur *defensive apologetik* sehingga membenarkan elemen-elemen ideologi moden seperti pluralisme dan liberalisme agama membiak dan membarah dalam masyarakat. Islam harus diterangkan dan didakwahkan dalam kerangka ajaran yang benar dan sahih walaupun pendekatan menerangkannya boleh mengikut konteks `uruf tempat dan masa tertentu. Sehubungan itu, pandangan al-Qaradawi (2003) yang menyatakan bahawa Islam mempunyai ciri-ciri *al-thabat* (tetap) dan *al-murunuh* (anjal) perlu diambil perhatian walau pun hidup dalam konteks *al-ta`ayusy*.

Amalan Konsep *فقه التعايش* Dalam Kepelbagaian Etnik Di Malaysia

Malaysia dikenali sebagai negara masyarakat majmuk atau lebih dikenali sebagai *plural society* kerana terdapat pelbagai etnik dan budaya. Antaranya Melayu, Cina dan India yang mana merupakan komuniti utama yang tinggal di bawah satu sistem politik. Kemajmukan masyarakat Malaysia boleh dilihat dalam pola-pola bahasa, kebudayaan, agamanya serta dalam struktur ekonomi yang dimiliki (Syahrul Faizaz, 2013). Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (2017), pada 2017 penduduk Malaysia dianggarkan sebanyak 32.0 juta orang dengan 28.7 juta warganegara dan 3.3 juta bukan warganegara. Pada 2017, etnik Bumiputera mencatatkan peningkatan sebanyak 0.2 mata peratus

berbanding 2016 iaitu 68.8 peratus daripada jumlah penduduk warganegara. Walau bagaimanapun, etnik Cina mencatatkan penurunan 0.2 mata peratus kepada 23.2 peratus, manakala etnik India dan Lain-lain kekal masing-masing pada 7.0 peratus dan 1.0 peratus berbanding 2016.

Selain itu, Malaysia juga sering dikatakan sebagai sebuah negara dalam pembentukan, dengan pelbagai kumpulan etnik yang belum berjaya disatukan. Dalam sejarah singkat negara ini, kesemua kumpulan etnik ini sebahagian besarnya wujud bersama secara harmoni. Walau bagaimanapun, masih wujud konflik yang berlaku (Syed Husin Ali, 2015). Ini kerana setiap kaum dan etnik dilihat hidup secara terpisah-pisah dalam lanskap warga sehingga mereka berada dalam dunia masing-masing. Kita tidak mahu peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 berlaku lagi akibat kegagalan mengurus kepelbagaian kumpulan etnik dan agama yang wujud dalam negara (Naqiah Firdaus & Rose Idayu, 2005). Oleh itu, perpaduan antara etnik adalah satu matlamat pembangunan negara. Sejak Rancangan Malaysia Kedua (1970-1974), matlamat perpaduan sentiasa termaktub dalam setiap rancangan pembangunan lima tahun negara. Untuk memupuk perpaduan, pelbagai usaha telah dijalankan sama ada melalui strategi media atau strategi hubungan. Melalui strategi media, maklumat-maklumat tentang peri pentingnya perpaduan telah disebar. Program atau berita yang menggalakkan budaya kunjungmengunjungi, hormat-menghormati dan bersifat tolenrasi telah ditonjolkan. Melalui strategi hubungan pula, interaksi fizikal dengan mengadakan jamuan perpaduan, projek anak angkat, malah pertukaran kakitangan kerajaan juga telah diadakan. Walaupun telah banyak usaha yang dilaksanakan, isu perpaduan antara etnik tetap mendapat perhatian kerana masih banyak lagi yang belum diketahui faktor-faktornya yang mana boleh membantu dan juga menghalang perpaduan etnik (Samsudin A.Rahim, 1992).

Menurut Kamar Oniah (2010), al-Marhum YAM Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama, pernah mempopularkan dan mempromosikan konsep “muhibah” dalam memupuk perpaduan kaum dalam negara yang berbilang bangsa dan agama. Ia bagi mewujudkan keharmonian dalam kalangan warganegara, kemesraan saling hidup bersama antara warga. Perkataan muhibah mengandungi makna kekeluargaan, kebersamaan, cinta dan kasih sayang, simpati dan empati, hormat menghormati dan kesopanan. Ia melangkaui makna toleransi yang selalui dibayangi dengan wajah hubungan “*a superior-inferior*” antara sesama manusia.

Kamar Oniah (2010) mencadangkan lima prinsip rukun muhibah sebagai garis panduan untuk mewujudkan keharmonian, saling hidup

bersama yang sihat dan harmoni (*healty and happy coexistence*) di Malaysia, iaitu:

1. *The priciples of non-interference and non-intrusion (i.e not to interfere in intra-religious and intra-communal matters of other religions or other communities)*
2. *The principle of Deference and Decorum (i.e to acknowledge, understand and respect differences and sensitivities of other religions and their communities)*
3. *The principle of sympathy and empathy (i.e to be nice to others and to treat others as how they want to be treated)*
4. *The Principle of Communal Cooperation (i.e to harness and work upon the common and parallel items of rthics of religions for the good and benefit of all)*
5. *The Principle of Unity in Diversity (i.e to establish loyalty and augment patriotism to the nation through the spirit of unity in diversity among the citizens.*

Haslina Haslina Ibrahim, Rohaiza Abd. Rokis dan Wan Nurhasniah Wan Husin (2016) pula berpandangan bahawa amalan *Muhibah* yang diperkenalkan oleh al-Marhum YAM Tunku itu mempunyai falsafah sosial yang tinggi dalam pembentukan kesalingan kebersamaan hidup dalam masyarakat berbilang bangsa di Malaysia. Amalan muhibah tersebut mempromosikan atau mempamerkan asas-asas penting bagi mewujudkan persetujuan bersama antara kaum di Malaysia dan menerima kehadiran bangsa-bangsa yang ada secara terbuka dalam kalangan warga negara. Sebagai lambang kepada keluhuran falsafah sosial, muhibah memfokuskan hubungan antara individu dan masyarakat keseluruhannya.

Realiti kehidupan di Malaysia sudah mempamerkan semangat *Muhibah*. Setiap pengikut agama bebas mengamalkan dan mengekalkan tradisi dan kebudayaan masing-masing, identiti, kepercayaan dan cara hidup masing-masing. (malah pengamalan setiap penganut agama dalam kelompok kepercayaan masing-masing diberi jaminan di dalam Perlembagaan Persekutuan). Malah, pendidikan yang berteraskan etnik juga dibenarkan dengan mengambil kira bahasa dan kebudayaan masing-masing seperti pembinaan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, sekolah kebangsaan orang Asli, begitu juga dengan bahasa-bahasa ibunda masing-masing diajar di sekolah dan diberi penilaian dalam sistem peperiksaan kebangsaan. Malah, terdapat perayaan-perayaan berdasarkan keagamaan dan kebudayaan penganut agama tertentu dibenarkan dan diisytiharkan sebagai cuti umum dalam kalendar negara.

Sehubungan dengan itu, muhibah menjadikan agenda utama Jabatan Perpaduan Negara sehingga Kabinet Malaysia bersetuju mewujudkan Jawatankuasa Mempromosi Kefahaman dan Harmoni antara Penganut Agama pada 24 Februari 2010 dengan meletakkan Muhibah sebagai sebahagian daripada visi dan misi. Malah konsep Muhibah menjadi asas kepada pembentukan nilai-nilai murni dalam hubungan kaum dengan meletakkan 7 rukun nilai yang perlu ada seperti *Musyawwarah* (dialogue), *Ukhuwwah* (kinship), *Harmoni* (harmony), *Ikhlas* (sincerity), *Bersangka-baik* (mutual-trust), *Amanah* (Integrity) and *Hormat* (respect). Kajian Haslina Ibrahim, Rohaiza Abd. Rokis dan Wan Nurhasniah Wan Husin (2016) terhadap pemimpin-pemimpin penganut agama di Malaysia turut mendapati majoriti daripada mereka berpandangan secara positif bahawa konsep Muhibah adalah mekanisme terbaik dalam mengikat perhubungan antara kaum dan agama dalam konteks *mutual love and affection and living together*.

Daripada satu sudut, amalan *fiqh al-ta`ayusy* perlu dilihat dalam konteks realiti keMalaysiaan atau *al-waqi` al-malizi* yang latar belakangnya adalah masyarakat majmuk, iaitu orang Islam bukanlah kumpulan minoriti walaupun peratusannya tidaklah terlalu banyak berbanding dengan orang bukan Islam. Ini dengan secara langsung berkait dengan *fiqh al-waqi`* nya yang tersendiri. Ia tidak sama dengan perbincangan *fiqh al-ta`ayusy* dalam konteks orang Islam berada dalam kedudukan minoriti di negara yang ditadbir oleh bukan Islam, yang selalunya dilihat dalam konteks *fiqh aqaliyyat*. Dalam situasi Malaysia dengan komposisi warga daripada sudut beragama muslim dan bukan muslim, perbincangan *fiqh al-ta`ayusy* juga dilihat tidak sama dengan perbincangan dalam kitab-kitab tradisi Islam yang membahagikan orang bukan Islam kepada kafir *dhimmiy* dan kafir *harbi* yang sudah pasti ia membawa implikasi hukum dan kemasyarakatan. Menurut Siddiq Fadzil (2016) berdasarkan rumusan para sarjana muslim, istilah yang boleh dipertimbangkan dalam konteks realiti Malaysia bagi kedudukan bukan muslim ialah merujuk kepada istilah *al-muwatinun* (warganegara) kerana mereka juga adalah anak watan yang sah daripada segi undang-undang. Walaupun mereka berlainan agama, mereka hidup dalam lingkungan *al-ta`asyuy* daripada sudut sama-sama menikmati hak dan sama-sama memikul tanggungjawab sebagai seorang warga negara yang sepatutnya berkongsi nilai-nilai keMalaysiaan yang dijamin di dalam perlembagaan persekutuan dan juga berkongsi komitmen mempertahankan kedaulatan negara. *Al-waqi` al-Malizi* yang mengambil kira *fiqh al-Malizi* mengambil realiti tersendiri keMalaysiaan yang mungkin tiada di tempat-tempat lain. Realiti keMalaysiaan itulah yang menjadi asas kepada pembentukan

kepada kefahaman *fiqh al-ta`ayusy* yang mungkin tidak lahir di negara lain tetapi lahir dan berkembang di Malaysia. Memahami *fiqh al-ta`ayusy* dalam konteks realiti Malaysia boleh menjadi pemangkin kepada kekuatan *social engineering* daripada sudut pembinaan dan pemerkasaan masyarakat lebih-lebih lagi ia boleh menyumbang kepada pembentukan dan pembinaan bangsa Malaysia. Pengiktirafan terhadap kepelbagaian agama, bangsa dan budaya dalam masyarakat majmuk di Malaysia tidak menjadikan umat Islam harus sepi daripada menjalankan usaha dakwah kepada mereka yang bukan muslim. Ini kerana perbincangan mengenai *fiqh al-ta`ayusy* tidak mengkesampingkan peranan dakwah dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia.

Dalam konteks di Malaysia, amalan *fiqh al-ta`ayusy* sepatutnya menjadi medan kepada orang Islam mempamerkan keindahan agama Islam dan menerangkan ajaran Islam dalam erti kata yang sebenar kepada orang bukan Islam. Ini kerana mereka bukanlah kelompok “harbi” yang boleh diperangi lantaran berlainan agama. Mereka adalah *ummah al-da`wah* yang perlu didekati bagi melebarkan dan menterjemahkan maksud *rahmah li al-`alamin*. Walau bagaimanapun, ia mesti tertakluk kepada arahan Allah SWT di dalam al-Quran bahawa “*La ikrah fi al-din*” iaitu tiada paksaan dalam beragama”. Mereka sendirilah yang menentukan sama ada mahu menerima penerangan Islam yang diberikan, iaitu daripada segi kefahaman dan sebagainya. Malah sebagai *ummah al-da`wah* juga Allah SWT melarang umat Islam mencela sembah dan kepercayaan yang mereka anuti kerana ia memberikan implikasi yang besar dari sudut keharmonian beragama dalam kalangan warga yang berbilang agama. Apabila seorang menafikan dan menghina pemeluk mana-mana agama ketika mereka mengamalkan ajaran-ajaran agama mereka berdasarkan sumber-sumber mereka, dibimbangi seseorang yang menafikan dan menghina itu boleh dikatakan sebagai seorang yang ekstrim ketika berinteraksi dengan orang lain. Ini tidak dapat diterima dalam kerangka *fiqh al-ta`ayusy*. Sebagai *ummah al-da`wah*, mereka harus didekati dengan menggunakan *ummahat al-asalib*, sebagaimana yang diistilahkan oleh al-Bayanuni (1995) yang merujuk kepada surah al-Nahl ayat 125, iaitu uslub dakwah secara *al-hikmah*, *al-maw`izah al-hasanah* dan *al-mujadalah billati hiya ahsan*.

Amalan *fiqh al-ta`ayusy* bukan sekadar membincangkan hubungan antara kaum dan etnik, tetapi yang lebih penting ialah pembentukan dan pembinaan warga Malaysia yang boleh mengambil kira pembentukan *ummah Madinah* di bawah payung *sahifah Madinah* yang akhirnya memperlihatkan kepelbagaian dalam bingkai kesatuan (*al-tanawwu` fi itar al-wihdah*) di mana yang menjadi ejen pemersatu ialah *sahifah Madinah*

yang meladeni kepelbagaian kumpulan penduduk Madinah di bawah kebijaksanaan Rasulullah s.a.w. (Siddiq Fadzil, 2016).

Dalam ruangan *Bayan Linnas*, laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, mengulas isu berkenaan tentang Masjid An-Naim dan Gereja The Good Shepherd di Lutong, Sarawak yang jaraknya hanya sekitar 100 meter mengambil inisiatif berkongsi kawasan meletak kenderaan. Pada setiap hari Jumaat, pengurusan gereja akan membuka kawasan parkir untuk kegunaan umat Islam. Manakala pada setiap hari Ahad, pihak pengurusan masjid pula membuka kawasan parkir untuk kegunaan penganut Kristian. Bagaimanakah pandangan Islam terhadap isu tersebut? Persoalan tersebut digarap melalui faham fiqh kewujudan bersama (*al-Ta'ayush/ Co-Existence*) pada masa kini. Dengan memetik ayat al-Quran surah al-Hujurat ayat 13, hubungan dan kesatuan antara kita sesama manusia adalah bertaut pada semangat kemanusiaan (*insaniyyah/humanity*) dan bukannya pada faham *creedal nation (al-ummah al-'aqidiyyah)*. Fitrah kemanusiaan yang menginginkan keamanan, kebersamaan dan keadilan inilah yang boleh memandu kita dalam menghargai fiqh kewujudan bersama dalam kepelbagaian ini. Adalah menjadi satu keperluan bagi seluruh manusia untuk sedar bahawa sejauh mana perbezaan warna kulit, bangsa, politik dan agama, mereka adalah tetap bersaudara. Ia adalah satu contoh yang baik bagi mengekalkan keharmonian dan toleransi inter-agama. Maka, Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke - 101 pada 26 April 2017 telah memutuskan hukum berkongsi ruang letak kenderaan antara masjid dan gereja adalah harus dan dibenarkan dalam Islam. Dalam kaedah usul fiqh ada satu perkara yang dinamakan sebagai *mafhum al-aula* (مفهوم الأولى). *Mafhum al-aula* adalah sesuatu yang tidak disebut itu lebih utama mendapat hukum daripada apa yang disebut. Jika Kristian dibenarkan memasuki masjid atas keperluan-keperluan tertentu, maka apatah lagi cuma berkongsi ruang meletak kenderaan yang terletak di luar daripada kawasan masjid/gereja.

Dalam laporan akhbar *Sinar Harian* (19 Julai 2017), Asyraf Wajdi dilaporkan berkata bahawa satu kajian berkenaan bagaimana menangani cabaran umat Islam ketika berhadapan dengan isu-isu yang berlegar dalam negara yang mempunyai kepelbagaian agama dan budaya perlu dilakukan. Kajian yang berfokuskan kepada hukum hakam yang berkaitan dengan kehidupan dalam sesebuah negara yang berbilang kaum dan agama, menurut beliau adalah kajian hukum yang bersifat kontemporari perlu mengambil kira maslahat dan keunikan negara serta dibincangkan dalam kerangka *maqasid al-syari'ah* dan *qawa'id fihiyyah* supaya

perbincangan perbendaharaan ilmu fekah sentiasa segar dan semasa. Di samping itu, kajian yang tertumpu kepada fekah kewujudan bersama atau *fiqh al-ta`ayush* atau *fiqh of coexistence* perlu mengambil kira ciri-ciri umum Islam seperti *wasatiyyah*, *mu`adil* dan *salam* agar dapat merealisasikan maksud *li ta`arufu* sebagaimana yang terdapat dalam surah al-Hujurat ayat 13. Ini kerana persoalan-persoalan yang melibatkan hubungan etnik dan agama seperti perkahwinan rentas agama, kehidupan berbilang agama dalam satu keluarga seperti yang berlaku dalam masyarakat orang Asli di Semenanjung Malaysia, suku kaum di Sabah dan Sarawak, amalan pengucapan selamat untuk sambutan hari-hari perayaan, ziarah upacara keagamaan dan sebagainya perlu ditangani dengan bijaksana mengikut landasan yang betul.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, Islam adalah satu agama yang lengkap merangkumi segenap aspek kehidupan manusia di muka bumi ini. Ajaran yang dibawa Islam bukan hanya mengajar umatnya berbuat baik sesama orang Islam, bahkan Islam juga mengajar umatnya berbuat baik terhadap orang bukan Islam. Ini kerana, orang bukan Islam juga mempunyai hak yang tertentu dan dilindungi selagi tidak memerangi Islam. Begitulah juga, dalam konteks pengurusan kepelbagaian etnik, kita haruslah sentiasa mencerminkan nilai-nilai yang baik. Ini kerana, agama Islam itu cantik dan indah. Maka janganlah kerana kita, orang bukan Islam memandang rendah terhadap agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W iaitu agama Islam. Oleh itu, adalah sangat digalakkan supaya kita memahami konsep *fiqh al-ta`ayusy* atau *co-existence* ini. Ini kerana asas-asas yang diberikan mampu menjadikan Malaysia menjadi sebuah negara yang harmoni, sihat dan bahagia.

Walau bagaimanapun, dalam konteks pengurusan kepelbagaian etnik ini, semua pihak hendaklah mempunyai kesedaran tentang tanggungjawab dan peranan masing-masing. Mungkin dengan langkah dan pendekatan yang diambil ini dapat mengurangkan serba sedikit masalah dalam pengurusan kepelbagaian etnik di Malaysia. Dengan kata lain, konsep ini memupuk semangat kewujudan bersama yang mana memberi banyak manfaat kepada semua masyarakat, samaada kepada Islam mahupun bukan Islam. Menyemangati *fiqh Taayush* atau *co-existence*, ia perlu perlu bersifat reciprocal atau timbal balik dan pasti takkan dapat direalisasikan dengan hanya memelihara kepentingan satu pihak sahaja. Sebaliknya, semua pihak perlu bersama atas satu platform untuk melunaskan keperluan dan kepentingan bersama. Atas asas *fiqh of co-*

existence ini maka perlu kepada keberanian dan kebijaksanaan untuk menguruskan perbezaan agama untuk kepentingan semua atas fitrah manusiawi. *Fiqh al-ta`ayusy* boleh menjadi *mediated* kepada forum perbincangan antara kelompok yang berlaian dengan menjadi alat menyederhanakan ekstremisme dalam pemikiran sesuatu kaum atau kelompok yang selama ini tidak pernah berkomunikasi dan ia menjadi jambatan atau menjembatani pihak-pihak yang selama ini tidak pernah berkomunikasi antara satu sama lain. konsep *fiqh al-ta`ayusy al-silmi* dijadikan silibus dalam sistem pendidikan yang bermula dari sekolah rendah lagi. Pihak-pihak tertentu boleh menerbitkan iklan, p.s.a, drama dan filem yang mempromosikan *fiqh al-ta`ayusy* dalam kerangka *wasatiyyah al-Islam*.

Rujukan

Al-Quran

- Al-Gharyani, `Adil Muhammad `Abd al-`Aziz. 2006. *Al-Ta`ayusy al-Silmi fi `Usur al-Duwal al-Islamiah*. Kertas kerja Nadwah al-Duwaliiyyah al-Ta`ayusy al-Silmi fi al-Islam. Anjuran Rabitah al-`Alam al-Islami dan al-Markaz al-Islami Colombo.
- Haslina Haslina Ibrahim, Rohaiza Abd. Rokis dan Wan Nurhasniah Wan Husin (2016). *Muhibah is Not Religious Pluralism: The Understanding of Religious Coexistence among Religious Leaders in Malaysia*. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 9 (2016): 67–85.
- Jessica Berns, Mari Fitzduff. 2007. *What is Coexistence and Why a Complementary Approach?*. Brandeis University.
- Kamar Oniah Kamaruzaman. 2010. *Religion and Pluralistic Co-existence: The Muhibah Perspective*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Muhammad Mukhtar Goma Mabruk. 2015. *Peaceful Coexistence between Religions and Fiqh of Coexistence: Towards the Renewal Approach*. 188 Emirates Lecture Series. The Emirates Center for Strategic Studies and Research.
- Muhammad Musa Syarif. 2013. *Al-Taqarub Wa Al-Ta`ayush Ma'a Ghair Al-Muslimin*. Arab Saudi: Dar Andalus al-Hira'.
- Oxford Dictionary*. 2016. New York: Oxford University Press.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2003. *Al-Khasa'is al-`Ammah Li al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

- Samsudin A.Rahim. 1992. Peramal Perpaduan Antara Etnik: Implikasi Terhadap Perancangan Komunikasi. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 8. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shayuthy Abdul Manas & Mohamad Ibrahim Mohamad Siddeek. 2016. Al-Ta`ayusy al-Silmi fi Daw' Maqasid al-Syari`ah. *GJAT*. June 2016. Vol. 6. Issue 1.
- Sheikh Hussein Ali Mustapha. 2014. *Fiqh Al-Ta'ayush Fi Sirah al-Nabawiyah*. Lubnan: Markaz Islami' al-Saqafi.
- Shuhairimi Bin Abdullah. 2004. *Konsep Asas Pembinaan Tamadun Islam Dalam Menjana Masyarakat Hadhari*.
- Siddiq Fadzil. 2016. *Pembinaan Bangsa: Kepelbagaian Dalam Bingkai Kesatuan*. Cetakan kedua. Selangor: IDE Research Centre Sdn. Bhd.
- Syahrul Faizaz Bin Abdullah. 2013. *Pendekatan dan Cabaran Organisasi Dakwah Menangani Masalah Hubungan Etnik di Wilayah Persekutuan*. Tesis. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Husin Ali. 2015. *Etnic Relations in Malaysia: Harmony and Conflict*. Petaling Jaya: The Others Press.
- Al-Tuwaijiri, `Abd al-`Aziz `Uthman. 2015. *Al-Islam wa al-Ta`ayusy bayna al-Adyan fi Ufuq al-Qarn 21*. Cetakan ke2. Ribat Maghribi: Matba`ah Issesco.
- (<http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/bayan-linnas/1574-bayan-linnas-siri-ke-89-masjid-dan-gereja-berkongsi-ruang-meletak-kenderaan>)